

Banjir kilat berulang lagi di Kajang

KUALA LUMPUR 12 Nov. – Walaupun pelbagai usaha dan janji dilaungkan bagi mengatasi banjir kilat di pusat bandar Kajang, bencana itu masih berulang hari ini.

Beberapa kawasan di Pasar Kajang dan pusat bandar dekat sini dinaiki air sedalam kira-kira 0.4 meter ekoran hujan lebat sejak pukul 3.30 petang ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kajang, Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail dalam kempen pilihan raya kecil DUN tersebut Mac lalu turut menjanjikan penyelesaian masalah banjir berkenaan tetapi masih gagal mengotakan janji Kerajaan Parti Keadilan Rakyat (PKR) Selangor sejak 2008 itu.

Ketua Unit Perancangan Korporat dan Perhubungan Awam Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ), Kamarul Izlan Sulaiman berkata, hujan lebat kira-kira satu jam itu menyebabkan paras air Sungai Jeluh meningkat secara mendadak dan melimpah ke jalan raya.

“Pihak MPKJ bersama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) juga telah menjalankan lawatan ke lokasi kejadian hari ini dan mendapati hujan lebat yang berlaku menyebabkan aliran sungai tersebut tidak dapat menampung kuantiti air.

“Siasatan sedang dijalankan dan setakat ini tiada kerosakan harta benda dilaporkan namun, sebanyak 50 premis yang terjejas dan air mulai surut dalam tempoh setengah jam,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Menurut Kamarul Izlan, Pasukan Tindakan Khas MPKJ serta Skuad Khas Bencana Alam MPKJ (Pantas) menjalankan kerja-kerja pemberihan di kawasan terjejas.

Pada akhir bulan lalu, turut berlaku kejadian sama apabila beberapa kawasan di pusat bandar Kajang dinaiki air sedalam kira-kira 0.6 meter ekoran banjir kilat namun tiada kerosakan harta benda dilaporkan.

Sementara itu, jurucakap Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Hulu Langat berkata, kajian pembinaan kolam takungan Sungai Jeluh berhampiran Penjara Kajang sedang dibincangkan di peringkat Kerajaan Persekutuan bagi mengatasi banjir kilat di Kajang.

“Kerja-kerja pembinaan tembok di belakang Pasar Kajang bagi mengelak masalah serupa berulang akan dilaksanakan bermula bulan depan bagi penyelesaian jangka masa pendek ekoran limpahan air Sungai Jeluh ketika hujan lebat,” katanya.

Penolong Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd. Sani Harul berkata, pihaknya telah mengarahkan beberapa jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat Kajang dan Bangi untuk ke lokasi kejadian bagi melakukan pemantauan.

“Kami menerima laporan awal pada pukul 2.47 petang dan tiba di lokasi kira-kira setengah jam kemudian. Melalui pemantauan yang kami lakukan, banjir terbabit dipercayai berpunca akibat longkang tersumbat dan menyebabkan air naik secara tiba-tiba,” katanya.

info

Disember 2011

- > Pusat bandar Kajang dilanda banjir kilat sedalam 0.3 meter menyebabkan banyak kenderaan ditenggelami air. Beberapa premis perniagaan termasuk Plaza Metro Kajang dan Bank Hong Leong turut dinaiki air sedalam 0.2 meter.

4 September 2012

- > Beberapa kawasan di sekitar Serdang dan Kajang dilanda banjir kilat antaranya Taman Sri Serdang, Stesen Keretapi Tanah Melayu Serdang, Sri Andalas, Serdang Jaya, Taman Perumahan Jed Hill dan Sungai Chua di Kajang.

12 September 2014

- > Pasar Kajang dan kawasan sekitar pusat bandar dilanda banjir kilat sedalam 0.4 meter ekoran hujan lebat dan sebanyak 50 premis terjejas berikutan Sungai Jeluh.

29 September 2014

- > Beberapa kawasan di sekitar pusat bandar Kajang dilanda banjir kilat sedalam kira-kira 0.6 meter ekoran hujan lebat yang menyebabkan paras air Sungai Jeluh naik mendadak.



BEBERAPA kenderaan ditenggelami air berikutan banjir kilat di bandar Kajang, Selangor, semalam.